



TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

YBHG. DATUK DR. ROSE LENA BINTI LAZEMI

KETUA PENGARAH

BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG

JABATAN PERDANA MENTERI

SEMPENA

SEMINAR PEMBANGUNAN PELAN TINDAKAN

**NASIONAL BERKAITAN PERNIAGAAN DAN
HAK ASASI MANUSIA (NAPBHR) BERSAMA
AGENSI KERAJAAN DAN PENGAWALSELIAAN**

Tarikh : 25 Februari 2020 (Selasa)

Masa : 9.30 pagi

**Tempat : Dewan Saksama Aras 2
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang**

Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Assalaamu`alaikum Warahmatullaahi Wabarakaaatuh
Salam Sejahtera dan Sayangi Malaysiaku Terima
kasih Tuan/Puan Pengacara Majlis.

Yang dialu-alukan, ahli-ahli panel untuk seminar pada
pagi ini;

- (i) YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah Hj. Bidin,**
Pakar Rujuk untuk Business and Human Rights &
Pensyarah Undang-Undang, Universiti
Kebangsaan Malaysia
- (ii) YBrs. Dr Norhazni binti Mat Sari,**
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Alam Sekitar
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam
Sekitar dan Perubahan Iklim
- (iii) YBrs. Encik Che Mohd Rokman Che Awang,**
Timbalan Pengarah Tenaga Kerja
Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung
Kementerian Sumber Manusia
- iv) YBrs. Puan Kausalya Gopal**
Pengarah, Bahagian Pengurusan Maklumat dan
Strategi, SME Corporation, Malaysia
- (iv) YBrs. Puan Cynthia Ann Peterson**
Principal (*Social Performance*)
Environment and Social Performance
Petroliam Nasional Berhad
(PETRONAS)

(vii) YBrs. Encik Andrew Khoo Chin Hock

**Wakil dari Majlis Peguam Malaysia selaku
Moderator kita pagi ini**

Yang Berbahagia Dato'/ Dr./ Tuan-tuan dan Puan-puan

yang saya hormati sekalian.

PENGENALAN

**1. Jemaah Menteri pada 6 Disember 2019 telah
bersetuju dengan cadangan pewujudan Pelan Tindakan
Nasional Berkaitan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.
Pembangunan Pelan Tindakan ini merupakan komitmen
Kerajaan untuk menerima pakai dan melaksanakan UN
Guiding Principles on Business and Human Rights
(UNGPs). UNGP terdiri dari 31 prinsip yang didasari oleh
tiga tonggak atau pillar iaitu tanggungjawab Kerajaan**

untuk melindungi hak asasi manusia; tanggungjawab entiti perniagaan untuk menghormati hak asasi manusia; dan kedua-dua Kerajaan dan entiti perniagaan juga hendaklah memastikan remedii yang efektif sekiranya berlaku perlanggaran atau pencabulan hak asasi manusia.

2. Pihak Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah memulakan usaha awal bagi pembangunan Pelan Tindakan ini melalui pelbagai aktiviti seperti forum, perbincangan, kajian dan siasatan ke atas pelbagai bentuk perlanggaran hak asasi manusia yang terhasil dari tindakan pelbagai entiti perniagaan. Pihak SUHAKAM juga dengan kerjasama pihak United Nations country team telah berjaya menerbitkan Kerangka Strategik Pelan Tindakan berkaitan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia di Malaysia pada tahun 2015. UNGP juga telah disebarluas untuk kefahaman semua pihak di

**samping promosi amalan terbaik dalam melaksanakan
UNGP.**

**3. Seterusnya pada 20 Jun 2019, Jemaah Menteri
telah bersetuju supaya Bahagian Hal Ehwal Undang-
Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM)
menjadi *Focal Agency* bagi menyelaras isu-isu
berkaitan hak asasi di peringkat domestik, bagi
membantu Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana
Menteri (Undang-undang dan Hal Ehwal Parlimen)
selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap isu-isu
hak asasi manusia. Di antara inisiatif awal yang telah
dilaksanakan oleh BHEUU ke arah ini ialah pengjuran
*National High-Level Dialogue on Business and Human
Rights* bertemakan “Towards A Malaysian National
Action Plan (NAP) on Business and Human Rights”.
Dialog ini telah diadakan pada 24 Jun 2019 secara
kerjasama terutamanya dengan SUHAKAM dan *United***

Nations Development Programme (UNDP). Beberapa siri perbincangan susulan dan pembangunan kapasiti juga telah diadakan sepanjang separuh kedua tahun 2019 termasuk sesi dialog bersama kedutaan Belgium dan Netherlands serta pakar-pakar yang telah membangunkan Pelan Tindakan ini di negara masing-masing.

4. Pada tahun ini, kita teruskan lagi aktiviti ke arah pembangunan Pelan Tindakan negara berkaitan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia. Kita telah mulakan dengan Seminar bersama entiti perniagaan, pertubuhan masyarakat madani (CSO) dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) pada 19 Februari baru-baru ini dan pagi ini kita teruskan dengan agensi-agensi Kerajaan dan pengawalselia. Seminar ini adalah penting sebagai permulaan fasa Pembangunan Pelan Tindakan ini di Malaysia. Sehubungan itu, terima kasih saya ucapkan

kepada lima (5) orang panelis yang telah bersetuju untuk sama-sama berkongsi kepakaran dan pengalaman mereka dalam bidang masing-masing sama ada di peringkat Kebangsaan mahu pun Antarabangsa.

Yang Berbahagia Dato'/ Dr./ Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

5. Setiap negara mempunyai kewajipan dan tanggungjawab untuk melindungi hak asasi manusia dan memastikan tiada perlanggaran atau pencabulan ke atas hak asasi manusia tersebut. Perlanggaran ini termasuklah yang dilakukan oleh entiti perniagaan semasa operasinya sama ada di dalam maupun di luar negara. Di antara tanggungjawab Kerajaan termasuklah menggubal dan menguatkuasa undang-undang yang berkaitan, mencegah, menyiasat dan membetulkan perlanggaran tersebut.

6. Kerajaan juga perlu bertanggungjawab dalam memastikan akses kepada remedi bagi pihak-pihak yang ingin membuat tuntutan apabila hak asasi mereka dicabuli. Sehubungan ini, mekanisme bagi penyaluran tuntutan juga perlu disediakan, diberi hebahan yang meluas, dengan kos yang minimum, mudah difahami, telus dan bebas dari sebarang tekanan kepada pihak yang ingin membuat tuntutan.

7. Kerajaan terutama melalui agensi pengawalselia, juga perlu menyampaikan mesej yang jelas kepada semua entiti perniagaan Malaysia, sama ada yang beroperasi di dalam maupun di luar negara, untuk menghormati dan berpegang kepada prinsip hak asasi manusia dalam melaksanakan operasi mereka.

8. Untuk makluman Yang Berbahagia Dato'/ Dr./ Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian, perancangan kerja pembangunan Pelan Tindakan negara ini, akan terbahagi kepada empat fasa iaitu:

Fasa Persediaan (Tahun 2019 -2020); Fasa Pembangunan (bermula tahun 2020 - 2021); Fasa Pelaksanaan (bermula Tahun 2022); serta Fasa Pemantauan & Penilaian (bermula tahun 2022). Setiap satu fasa ini akan diperjelaskan lagi oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah Hj. Bidin, Pakar Rujuk untuk Business and Human Rights dan Pensyarah Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, sebentar lagi.

9. Beberapa aktiviti penting akan kita laksanakan pada tahun ini. Pertama ialah penubuhan Jawatankuasa Pemandu dan Kerja Penyediaan Pelan Tindakan Nasional berkaitan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia yang melibatkan keanggotaan meliputi wakil-wakil

agensi Kerajaan, Entiti Perniagaan, SUHAKAM, Agensi Kawalselia, NGO dan CSO. Kedua-dua Jawatankuasa ini akan mula bermesyuarat pada bulan Mac sebaik sahaja keanggotaannya dimuktamadkan dan kita amat memerlukan komitmen dan kerjasama semua pihak bagi memastikan jawatankuasa yang ditubuhkan dapat berfungsi dengan efektif. Kita juga akan menganjurkan satu Persidangan Peringkat Kebangsaan berkenaan isu-isu utama yang melibatkan Perniagaaan dan Hak Asasi Manusia pada bulan April. Persidangan ini akan melibatkan semua *stakeholder* yang telah dikenalpasti dalam pembangunan Pelan Tindakan ini.

10. Seterusnya, Fasa Pembangunan pada tahun ini juga akan meliputi aktiviti pengumpulan data untuk *National Baseline Assessment (NBA)*. NBA akan digunakan bagi menilai tahap semasa pelaksanaan UNGP di Malaysia di mana gabungan analisis jurang

perundangan dan dasar semasa bersama-sama gambaran keseluruhan impak negatif perniagaan terhadap hak asasi manusia akan digunakan bagi mengenalpasti isu-isu penting berkaitan hak asasi manusia. Pelaksanaan NBA dengan itu akan membantu kita memahami situasi sebenar di lapangan supaya setiap keputusan yang dibuat adalah berdasarkan fakta dan bukti.

Yang Berbahagia Dato'/ Dr./ Tuan-tuan dan Puan-puan,

PENUTUP

11. Semua perancangan ini akan hanya boleh dicapai dan dilaksanakan dengan kerjasama semua pihak dalam memastikan Pelan Tindakan ini memberi manfaat kepada Malaysia. Seminar ini diharapkan dapat menjelaskan kepada semua peserta, implikasi yang

akan dihadapi oleh Malaysia jika isu-isu pelanggaran hak asasi manusia terus dipinggirkan selain menjadi platform untuk semua pihak berkepentingan berkongsi pandangan serta menjalinkan hubungan strategik antara satu sama lain serta mengoptimumkan sumber yang ada demi pembangunan Pelan Tindakan Nasional berkaitan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia.

12. Oleh itu, bagi pihak BHEUU saya amat menghargai dan berterima kasih di atas kehadiran semua ke Seminar Pembangunan Pelan Tindakan Nasional Berkaitan Perniagaan dan Hak Asasi Manusia bersama-sama Agensi-agensi Kerajaan pada pagi ini.

13. Saya juga amat mengalu-alukan tuan-tuan dan puan-puan untuk berinteraksi secara aktif dengan penceramah dan ahli-ahli panel kita sepanjang sesi ini berlangsung sebentar lagi.

**Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.**

Disediakan oleh:

Seksyen Dasar & Penyelidikan

Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang

Jabatan Perdana Menteri

Tarikh: 20 Februari 2020